

## Pacu usahawan Bumiputera melalui modal, teknologi serta akses pasaran



Pengarah Institut Pengurusan Halal (IHM), Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS), Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Dr Nor Aina Mhd Khotib  
bhrencana@bh.com.my

**Perasmian Penang International Halal Expo (PIHEX), Program MADANI Kita 2026 Permatang Pauh dan Himpunan Usahawan Bumiputera Pulau Pinang (HUBPP) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, 25 Julai lalu memperihatkan pendekatan semakin tersusun terhadap pembangunan ekonomi Bumiputera.**

Ketiga-tiga program itu wajar dilihat sebagai satu ekosistem menghubungkan usahawan dengan industri halal, pembiayaan, teknologi, penyelidikan universiti, pendigitalan, rantaian bekalan dan akses pasaran. Pendekatan bersepadu ini penting kerana perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) menjadi tulang belulang ekonomi negara.

Pada 2024, sumbangan PMKS kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat 5.8 peratus kepada RM652.4 bilion atau 39.5 peratus daripada keseluruhan KDNK Malaysia. PMKS juga menggaji 8.10 juta orang, bersamaan 48.7 peratus daripada jumlah pekerjaan negara. Eksport PMKS meningkat kepada RM196.8 bilion, namun bahagiannya masih sekitar 14.3 peratus daripada keseluruhan eksport Malaysia.

Angka itu menunjukkan cabaran sebenar bukan sekadar menambah bilangan usahawan, tetapi meningkatkan produktiviti, penggunaan teknologi, keupayaan mengeksport dan potensi untuk berkembang daripada perusahaan mikro kepada syarikat bernilai tinggi.

Dalam konteks Pulau Pinang, keperluan ini lebih mendesak kerana negeri berkenaan menjadi hab pembuatan, elektrik dan elektronik, semikonduktor serta perkakasan pusat data. Justeru, usahawan Bumiputera perlu dibawa memasuki sektor bernilai tinggi dan tidak hanya tertumpu kepada kegiatan ekonomi tradisional.

Arahan Perdana Menteri supaya MARA, Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), institusi pembiayaan, kerajaan negeri dan institusi pengajian tinggi (IPT) diselaraskan melalui Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang amat tepat. Penyelarasan sedemikian dapat mengelakkan pertindihan program dan budaya bekerja secara silo.

Usahawan tidak seharusnya menerima latihan tanpa memperoleh modal, mendapat pembiayaan tanpa bimbingan teknologi atau memiliki produk tanpa akses kepada pasaran. Matlamat Perdana Menteri supaya Pulau Pinang muncul sebagai antara negeri dengan penyertaan ekonomi Bumiputera terbaik hanya dapat direalisasikan melalui tindakan bersama yang terselaras.

Pengumuman dana awal RM5 juta bagi Strategi Semikonduktor Bumiputera juga wajar disambut baik. Dana berkenaan perlu dimanfaatkan untuk mengenal pasti syarikat berpotensi, melatih tenaga mahir, mengukuhkan penyelidikan dan membolehkan vendor Bumiputera memasuki rantaian bekalan semikonduktor.

Peluang sebenar bukan hanya dalam pembuatan cip, tetapi turut merangkumi automasi, penyelenggaraan, reka bentuk, perkhidmatan teknikal, logistik dan penyelesaian digital. Usaha ini bukan bertujuan menggantikan syarikat sedia ada, tetapi memperluas penyertaan Bumiputera dalam ekosistem industri teknologi tinggi.

Pada masa sama, kemudahan pembiayaan seperti TEKUN Niaga, geran inovasi dan pengkomersialan

vendor, program pembangunan kapasiti serta pembiayaan kontraktor perlu disepadukan dengan pemantauan prestasi. Matlamatnya bukan sekadar meluluskan dana, tetapi memastikan penerima meningkatkan jualan, pekerjaan, produktiviti dan eksport.

Setakat 31 Mei 2026, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) meluluskan pembiayaan RM5 bilion kepada lebih 180,000 perusahaan, selain menyasarkan sehingga RM15 bilion melalui inisiatif PowerUp10K untuk membantu 10,000 PMKS meningkatkan skala operasi.

### Tingkat potensi industri halal Malaysia

PIHEX pula menyediakan jambatan penting antara pensijilan halal dengan pengeluaran dan pasaran. Industri halal Malaysia mempunyai asas yang besar, membabitkan lebih 12,000 pertubuhan dengan output kasar melebihi RM400 bilion. Namun, Malaysia tidak boleh berpuas hati sebagai peneraju pensijilan semata-mata.

Dalam ucapan perasmian, Perdana Menteri menegaskan kekuatan halal Malaysia tidak boleh berhenti pada pensijilan, sebaliknya mesti diterjemahkan kepada pertumbuhan industri, peningkatan skala perusahaan dan penguasaan pasaran antarabangsa melalui kerjasama menyeluruh antara kerajaan, industri, institusi pendidikan dan usahawan.

Pensijilan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mesti dihubungkan dengan inovasi produk, pembungkusan, logistik, farmaseutikal, kosmetik, teknologi makanan, kewangan Islam dan eksport. PIHEX berfungsi sebagai platform untuk usahawan mendapatkan maklumat perdagangan, bertemu pembeli, membina jaringan pengedaran dan meninjau peluang menembusi pasaran antarabangsa.

Dalam kerangka inilah Institut Pengurusan Halal (IHM), Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS), Universiti Utara Malaysia (UUM) memainkan peranannya. IHM menyertai PIHEX 2026 yang berlangsung dari 24 hingga 26 Julai untuk kali ketiga berturut-turut dengan membuka reruai bagi mem-

promosikan program latihan halal, khidmat konsultasi pensijilan halal dan peluang pengajian di IBS.

Sepanjang tiga hari pameran, reruai IHM menerima kunjungan usahawan, pelajar, wakil industri, agensi kerajaan dan institusi pendidikan. Antara program diketengahkan ialah Latihan Eksekutif Halal, Latihan Kesedaran Halal dan Latihan Kompetensi Halal yang diiktiraf JAKIM.

Sejak penubuhannya, hampir 400 syarikat menyertai pelbagai program latihan halal anjuran IHM. Kepercayaan industri turut terbukti apabila banyak syarikat kembali mendapatkan perkhidmatan latihan secara in-house bagi meningkatkan kompetensi pekerja dan memperkukuh sistem pengurusan halal masing-masing.

Pembabitan IHM dalam PIHEX membuktikan universiti mempunyai peranan langsung dalam menghubungkan ilmu, latihan, pensijilan dan keperluan sebenar industri. UUM melalui IBS dan IHM bukan sekadar melahirkan siswazah, tetapi turut membangunkan modal insan, membantu syarikat memahami keperluan halal serta memperluas kerjasama antara akademik, kerajaan dan industri.

Usaha memartabatkan usahawan Bumiputera perlu bergerak serentak, kompetensi dan pasaran. Tanpa salah satu daripadanya, perkembangan perusahaan akan terbantut. Pendekatan Perdana Menteri yang menghubungkan HUBPP, PIHEX, agensi pembiayaan dan institusi pendidikan memperlihatkan komitmen Bumiputera sedang dialihkan daripada perlindungan pasif kepada pembangunan kapasiti yang lebih mampan.

Komitmen Perdana Menteri untuk menyelaras kekuatan agensi kerajaan, IPT dan pihak industri menjadi langkah yang tepat pada masanya. Dengan iltizam politik yang jelas, pelaksanaan yang terurus dan kerjasama semua pihak, agenda yang digagaskan bellau berpotensi mengangkat ekonomi Bumiputera ke tahap lebih kukuh, moden dan mampan, sekali gus meneguhkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju industri halal dunia.



Felo Institut Pengurusan Halal (IHM) bersama Dekan Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS), Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Dr Selamah Maamor di hadapan reruai IHM di Penang International Halal Expo (PIHEX) pada 24 hingga 26 Julai 2026 lalu.